



## SIARAN AKHBAR

### **PNS ANJUR FORUM PERNIAGAAN DENGAN KOLABORASI STRATEGIK OXFORD BUSINESS ALUMNI KUALA LUMPUR**

**BANGSAR SOUTH, 18 JANUARI 2018** – Seiring dengan matlamat mendepani cabaran pada tahun ini, Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dengan kerjasama Oxford Business Alumni – Kuala Lumpur (OBAKL) hari ini menganjurkan Forum Perniagaan bertajuk “Impact of Disruptive Innovation to Organisation”.

Pada masa sama, program separuh hari yang bertempat di Conexion Conference & Event Centre @ Vertical, Bangsar South City tersebut turut memberi pendedahan khusus buat rakan-rakan strategik dengan perkongsian ilmu yang disampaikan oleh Dr. Lalit Johri dari Universiti Oxford, United Kingdom. Beliau yang di datangkan khas dari London merupakan Pengarah Pengurusan Lanjutan dan Program Kepimpinan, *di Saïd Business School, Universiti Oxford*.

Pelaksanaan program ini adalah untuk memberikan peserta-peserta informasi terkini yang boleh diadaptasi dengan nilai-nilai pasaran tahun 2018 yang boleh memangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara tahun ini.

Selain Dr Lalit, forum perniagaan ini juga turut menampilkan tiga lagi panel iaitu Dato’ Seri Dr Mohd Azhari Yakub, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Jantung Negara dan Tuan Syed Naqiz Shahabudin Syed Abdul Jabbar, Setiausaha

Agung Bumiputra Retailers Organization (BRO) serta Professor Khaeruddin Sudhamin, Pengarah Penyelidikan Kanan, Asia e University (AeU) Malaysia sebagai moderator.

Menurut Pengarah Urusan PNS, Dato' Syed Kamarulzaman Syed Zainol Khodki Shahabudin, forum perniagaan yang dianjurkan hari ini melepasi sasaran 200 penyertaan dari kalangan pemilik dan ketua-ketua syarikat, agensi-agensi kerajaan, usahawan dan orang perseorangan.

“Program perkongsian ilmu ini secara tidak langsung membantu membincang strategi dalam memperkukuhkan kerjasama dan integrasi ekonomi serta perkongsian perniagaan serantau dan juga membuka peluang kepada peserta untuk meraih manfaat globalisasi, termasuk mengambil bahagian dalam nilai rantaian perdagangan global, teknologi inovasi dan seterusnya membentuk rangkaian perhubungan sesama peserta yang hadir”

Terdahulu dalam ucapan pembukaannya juga, beliau merancang agar program ini dilaksanakan didalam skala besar pada masa akan datang dengan membabitkan lagi pelbagai pihak dan juga pemimpin-pemimpin organisasi besar seluruh negara.

Dari sudut sektor francais pula, Dato' Syed Kamarulzaman menegaskan agar pemain-pemain industri perlu sentiasa peka dengan keadaan ekonomi semasa agar perniagaan mereka tetap terus kukuh dalam melayari ketidakpastian ekonomi masa kini.

Forum yang berakhir jam 5.00 petang tersebut turut dihadiri oleh Pengarah-pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan PNS serta Ketua-ketua Agensi di bawah KPDNKK.

Untuk urusan media, sila hubungi Hamidah Ibrahim, Ketua Jabatan Komunikasi Korporat melalui emel, hamidah.ibrahim@pns.com.my atau hubungi talian 03-2082 7788 samb. 7941.

---

## **PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PNS)**

Perbadanan Nasional Berhad (PNS) adalah sebuah agensi yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) yang diberi mandat untuk menerajui pembangunan industri francais di Malaysia. PNS mempunyai sasaran untuk menerajui perkembangan industri francais di Malaysia dan membangunkan jumlah usahawan francais, melalui kepakaran dalam memberikan perkhidmatan serta produk-produk yang berkualiti.

PNS juga berperanan di dalam mempelopori dan menerajui pertumbuhan industri francais negara demi merealisasikan matlamat untuk melahirkan lebih ramai usahawan dalam bidang perniagaan francais. Salah satu objektif utama PNS adalah untuk membangunkan produk tempatan dan mengembangkannya ke luar negara. PNS juga menyediakan khidmat nasihat dan skim-skim khas bagi francaisor dan francais serta mengalu-alukan rakan francais ke Malaysia.

Berpusat di Ibu Pejabat di Bangsar South, PNS juga mempunyai lima pejabat koridor iaitu Pejabat PNS Wilayah Utara, Pejabat PNS Wilayah Timur, Pejabat PNS Wilayah Selatan, Pejabat PNS Wilayah Sabah dan Pejabat PNS Wilayah Sarawak yang bersedia menjalankan tanggungjawab bagi melahirkan lebih ramai francaisor dan francais bertahap antarabangsa.